

29 MAR 1998

Mahathir-Ekspedisi

TIADA SEBAB TUNDA PROGRAM KERANA MASALAH EKONOMI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tiada sebab beberapa program negara termasuk ekspedisi terjun bebas Kutub Utara perlu ditangguh disebabkan kegawatan ekonomi sekarang.

Perdana menteri berkata program negara seumpama itu tidak ada kena mengena dengan masalah ekonomi yang melanda rantau ini berikutan kejatuhan mata wang serantau.

"Apa kena mengena dengan ekonomi ... bukannya ia (ekspedisi) belanja banyak sangat ... kalau begitu kita kena tunda Sukom, bolasepak, kita tunda semualah jadi semua orang dududk menangis pasal ekonomi," katanya apabila ditanya mengenai cadangan supaya menunda program ekspedisi itu sehingga masalah ekonomi kembali pulih.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan ekspedisi terjun bebas Kutub Utara di Pangkalan tentera Udara diRaja Malaysia di Sungai Besi, di sini.

Dr Mahathir juga turut menyaksikan penerjunan oleh 16 peserta yang akan menyertai ekspedisi itu. Selain memacakkan bendera negara "Jalur Gemilang", ekspedisi yang disertai oleh seorang penerjun wanita Nordziah Mohd Noor, sebuah kereta proton Wira 1.5 akan turut diturunkan di Kutub Utara.

Di majlis itu juga Dr Mahathir turut menyerahkan bendera negara kepada ketua ekspedisi, Abdul Rahim Dahalan.

Pada Jumaat depan, kumpulan ekspedisi negara itu akan berlepas ke Moscow, Rusia dan pada 15 April mereka akan ke Khatanga, Siberia untuk membuat persiapan dan latihan terakhir selama tiga hari.

Pada 18 April, kumpulan itu akan berlepas ke Kutub Utara dan kesemua 16 penerjun dijangka membuat penerjunan pada paras 3,000 meter (10,000 kaki).

-- BERNAMA

ARA AO